

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin dan Amir Abd
Hamid
am@hmetro.com.my

PUSAT BANDAR KL KENA 'TAWAN'

'BANJIR' GELANDANGAN

Botol berisi air kencing, tumpukan najis manusia bersepah bikin ibu kota jijik

TAR (Tuanku Abdul Rahman) dan Masjid India namun kini melarat hingga ke sini," ujar seorang pekerja kedai serbaneka di kawasan itu.

Dia berkata, bilangan gelandangan yang kian ramai itu menghairkannya apatah lagi kebanyakannya golongan muda dan sihat.

"Abang tengok sendiri, ramai antara mereka orang muda kuat. Tapi buang masa melepak, tidur dan tunggu makanan percuma sahaja. Mereka biasanya akan bawa beg sekolah berisi pakaian dan berpindah randah.

"Ini bukan salah kerajaan semata-mata, tapi ramai yang tak mahu ubah nasib diri. Sengaja pilih jalan hidup begini. Kalau abang lihat, warga asing pun ada yang tumpang sekaki jadi gelandangan..apa nak jadi negara kita?" katanya.

Kuala Lumpur

Bau hancing pekat menusuk ke rongga hidung sebaik sahaja penulis melintasi lorong Lebu Pudu di sini. Dahulunya lokasi ini dilatari landskap indah. Menarik dan penuh warna.

Lorong dilatari deretan lukisan mural itu hakikatnya cukup menarik apabila mengetengahkan seni bina, reka bentuk dan budaya Malaysia khusus untuk dinikmati warga tempatan dan pelancong asing.

Namun kehadiran ratusan gelandangan yang 'menjajah' kawasan sekitar menyebabkan lokasi berhampiran Pasar Seni ini tidak ubah seperti 'jamban setinggan' dipenuhi tumpukan tahi manusia.

Mata penulis mengekori ke- libat seorang gelandangan lelaki berusia 40-an yang mundur mandir di lorong sunyi itu. Dia berdiri di balik tembok sebelum membuka zip seluar-nya tanpa segan silu.

Corong botol air mineral kosong kemudian dihalakan pada kemaluan. Air kencing kemudian 'dipancut' terus ke dalam botol 500 milimeter itu.

Sebaik selesai melepaskan 'hajat', botol berisi air kencing kuning pekat itu kemudian diletakkan di bahu longkang. Sebaris dengan deretan botol-botol lain berisi air kencing.

Tidak pasti apa tujuannya. Adakah mahu dijadikan pameran awam atau koleksi? Yang nyata perbuatan itu mencacatkan lagi pemandangan lorong belakang yang pernah dinaik taraf Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Think City, anak syarikat Khazanah Nasional Bhd.

Malah, di satu sudut lain, tumpukan najis manusia dilihat bersepah di atas kaki lima. Cukup jijik dan meloyakan tekak.

Mata penulis turut sempat memerhati gerak geri seorang lagi gelandangan berdiri di celah pokok renek ditanam DBKL menghadap Bangkok Bank, Jalan Tun HS Lee di sini.

Tanpa rasa bersalah, pokok hiasan itu kemudian 'disiram' dengan air kencing sebelum lelaki berusia 30-an itu beredar dan menyambung lena di bangku kayu berhampiran.

Ternyata Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak Jun lalu, menyebabkan ibu kota 'mati' ini dikuasai kumpulan gelandangan pelbagai bangsa dan usia. Rata-rata premis perniagaan yang ti-

dak dapat beroperasi kini menjadi lokasi gelandangan penumpang teduh.

Bukan hanya tidur di kaki lima bangunan atau bangku awam malah ada antara mereka turut mengusung bersama tilam bujang yang diletakkan di tepi bangunan. Kelihatan tidak ubah seperti rumah 'pondok-pondok' apabila longgokan pakaian, beg dan bungkusan makanan disusun di tepi tilam berkenaan.

Tidak jauh dari situ, beberapa gelandangan dilihat bersandar sambil termenung kosong. Masing-masing sudah 'mewartakan' petak kaki lima itu sebagai jajahan masing-masing.

Di pojok lain, sekitar 30 gelandangan berbaris panjang menunggu giliran mendapatkan khidmat 'salon bergerak' percuma disediakan.

Seorang wanita lengkap membawa peralatan mengunting rambut dan memakai pelitup muka dilihat fokus menyisir dan mengunting rambut seorang demi seorang gelandangan.

Murni sungguh hati wanita itu yang melayan penuh sabar. Tidak kira gelandangan itu selekeh atau busuk, kesemuanya diberi layanan sama rata.

Kira-kira 30 minit kemudian, muncul sebuah van putih dipercayai milik sebuah pertubuhan kebajikan. Pintu belakang van lantas dibuka beberapa lelaki dan wanita sebelum ratusan pek nasi ayam diagihkan kepada berpuluh gelandangan yang mengerumuni kenderaan itu.

"Beratur-beratur! semua orang kena pakai mask (pelitup muka)," ujar seorang lelaki sambil sibuk menghulur bungkusan nasi dan air mineral ke tangan gelandangan.

Tidak sampai seminit,

►INFO

●Rata-rata premis perniagaan yang tidak dapat beroperasi kini menjadi lokasi gelandangan penumpang teduh

●Ada antara gelandangan turut mengusung bersama tilam bujang yang diletakkan di tepi bangunan

hampir 100 gelandangan menyerbu dari segenap arah dan simpang jalan. Semua mereka memastikan mereka tidak terlepas juadah makan tengah hari.

Turut kelihatan beberapa lelaki menunggu motosikal dan turut beratur mengambil makanan percuma itu. Mereka pastinya bukan golongan gelandangan, tetapi kalangan yang terkesan dengan PKP atau lebih tepat golongan miskin bandar.

Penulis melihat gelandangan terbabit segera membuka bungkusan dan mengisi perut. Lahap dan cukup berselera. Namun agak menjengkelkan apabila beratus pek plastik itu dicampakkan

di merata tempat. Malah nasi yang tidak habis dijamah, berselerakan di atas jalan dan bangku rehat.

Amat pengotor dan menyakitkan mata. Memang tiada sivik!.


"Abang jenguk sini, singgah waktu malam!, lagi ramai gelandangan boleh abang jumpa. Dulu mereka hanya ramai berkumpul di Jalan



BOTOL berisi air kencing yang disusun gelandangan yang berkeliraran di Pasar Seni.



SEORANG lelaki gelandangan tidur di kaki jalan.



AIYIAPA kumpulan gelandangan yang dilihat berpelesenan di sekitar ibu kota.

PEK makanan hasil sumbangan NGO yang dibuang gelandangan di kaki lima.